

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [ SHAH ALAM ]**

**TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah usaha perancangan Kementerian untuk membangunkan Kampung Baru, Kuala Lumpur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Shah Alam, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sejak sekian lama telah menjalankan pelbagai usaha dan pendekatan di dalam membangunkan Kampong Bharu. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pembangunan semula Kampong Bharu secara komprehensif berdasarkan Pelan Konsep Kampong Bharu 2019 dan tawaran pembelian tanah didapati amat sukar diteruskan kerana tidak mendapat persetujuan 100 peratus pemilik tanah (hanya 61 peratus persetujuan) dan juga melibatkan anggaran kos pembelian tanah yang tinggi sebanyak RM7.4 bilion dan kos-kos lain sehingga mencecah hampir RM10 bilion.

Sehubungan ini, Kementerian telah merangka pendekatan pembangunan yang lebih fokus dan mengikut keutamaan bagi memenuhi

## SOALAN NO : 27

keperluan pembangunan di Kampong Bharu. Kementerian secara serius akan melaksanakan dengan kadar segera perkara-perkara berikut:

- 1) Menaiktaraf infrastruktur dan jalan-jalan utama di kawasan Kampong Bharu dengan kos sebanyak RM353 juta melalui permohonan peruntukan RMKe-12;
- 2) Melaksanakan pembangunan secara parcel/blok yang telah dikenalpasti mengikut keutamaan iaitu di kawasan sekitar Masjid Jamek Kampong Bharu dan blok-blok tanah yang telah mendapat persetujuan pemilik tanah. Pembangunan ini boleh dilaksanakan secara usahasama dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) atau pemaju-pemaju yang berminat. Dalam hal ini, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) akan bertindak sebagai fasilitator bagi melancarkan pembangunan yang akan dilaksanakan agar mengikut dasar dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan; dan
- 3) Kementerian juga akan mengenalpasti satu kawasan yang sesuai untuk dibangunkan sebagai "Food Haven Kampong Bharu" bagi menempatkan semula gerai-gerai makanan secara lebih tersusun dan menarik.

Adalah menjadi keutamaan Kementerian agar hasrat dan harapan pemilik dan pewaris tanah untuk melihat Kampong Bharu dibangunkan sebagai pusat komersil Melayu di pusat bandaraya Kuala Lumpur tercapai di masa akan datang dan pemilikan tanah masih kekal kepada orang Melayu.

Sekian, terima kasih.